

134

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN**

**SOALAN : NO. 52**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah dalam meningkatkan kebolehpayaan dan kebolehpasaran pelajar luar bandar melalui pemerksaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta penerimaan dan penyertaan mereka khususnya di Sarawak dalam bidang ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi penekanan kepada program-program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) agar graduan TVET dapat menepati permintaan industri.

Antara inisiatif KPT untuk meningkatkan kebolehpayaan dan kebolehpasaran pelajar TVET, khususnya mereka dari luar bandar adalah menawarkan program yang bersesuaian dengan keperluan industri dalam wilayah masing-masing. Sebagai contoh, di wilayah ekonomi *Sarawak Corridor of Renewal Energy* (SCORE), bidang industri seperti kejuruteraan, pembinaan dan pelancongan mempunyai permintaan bilangan pekerja yang tinggi. Oleh itu, program kejuruteraan awam, elektrik, mekanikal dan petrokimia serta pelancongan ditawarkan di politeknik di negeri Sarawak.

Berikutan daripada penukaran fungsi kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia di Miri dan Bitangor (Rajang) kepada politeknik, sejumlah 1,000 tempat untuk melanjutkan pengajian tambahan dapat disediakan. Justeru ianya membuka peluang kepada lepasan sekolah luar bandar di negeri Sarawak untuk menyertai pengajian TVET.

Selain usaha mempersiapkan pelajar TVET dalam memenuhi keperluan industri, KPT menerusi Kolej Komuniti juga melaksanakan program intervensi, iaitu pendekatan industri tempatan dalam memberi peluang pekerjaan kepada pelajar Kolej Komuniti luar bandar, termasuk di Sarawak. Melalui program ini, pelajar digalakkan menjadi usahawan luar bandar dalam memberi perkhidmatan TVET disamping menjana pendapatan

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.  
DARIPADA RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan adakah Kerajaan telah mengesan sekolah usang yang memerlukan pembaikan dengan kadar segera kerana bangunan yang tidak selamat untuk digunakan di seluruh negeri Sarawak serta berapakah jumlah sebenar yang mendapat perhatian Kerajaan setakat ini terutamanya di Kawasan Parlimen Tanjong Manis.**

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited melaksanakan pembaikan ke atas sekolah-sekolah daif di Sarawak dalam memastikan semua sekolah daif berada dalam keadaan baik dan selamat. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah pun meluluskan peruntukan bagi 183 buah sekolah daif di Sarawak dan 50 sekolah sedang dalam pelaksanaan manakala bakinya akan disiapkan secara berperingkat-peringkat.

Di Parlimen Tanjong manis, sebanyak 7 sekolah telah dibaik pulih oleh ICU, JPM dengan menggunakan peruntukan KPM iaitu SK Abang Amin, SK Mandor Aris, SK Abang Haji Matahir, SK Adin, SK St Andrew, SK Jawa dan SK Kg. Serdeng yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.128 juta. Selain itu, terdapat 2 sekolah di Parlimen Tanjong Manis yang terlibat dengan pembinaan gantian penuh dan pembinaan bangunan tambahan yang melibatkan bilik darjah, asrama dan lain-lain kemudahan iaitu SK Mandora Aris, Sarikei dan Sekolah Kebangsaan Mupong, Meradong yang melibatkan peruntukan keseluruhan RM36.6 juta.

KPM juga telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM14.61 juta kepada sekolah-sekolah di Negeri Sarawak pada tahun 2017. Bagi Parlimen Tanjung Manis, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM0.16 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah.